

MIRI

PEOPLE • PROGRESS • PROSPERITY | MASYARAKAT • KEMAJUAN • KEMAKMURAN



Miri President Office

MIRI

PEOPLE · PROGRESS · PROSPERITY



MASYARAKAT · KEMAJUAN · KEMAKMURAN



Miri Resident Office

MIRI - People, Progress, Prosperity
MIRI - Masyarakat, Kemajuan, Kemakmuran

Publisher
Penerbit
Miri Resident Office
Jalan Raja, 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.

CREDITS
PENGHARGAAN

Book Content
Kandungan Buku
Datu Ose Murang, Miri Resident Office

Text Material
Bahan Teks
Datu Ose Murang, Dayang Joanita Azizah Abang Morshidi,
Miri Resident Office

Editing - English
Penyuntingan - Inggeris
Datu Ose Murang, Miri Resident Office,
Dr. Joan Gribble

Translation - Bahasa Malaysia
Penterjemahan - Bahasa Malaysia
Zasran Abdullah, Dayang Joanita Azizah Abang Morshidi

Publication Team
Pasukan Penerbit
Datu Ose Murang, Dr. Ngenang Anak Jangu, En. Ganie Anak Ugay,
En. Abdul Aziz Hj. Mohd. Yusuf, Dayang Joanita Azizah Abang Morshidi

Photography
Fotografi
Leong Choon Min
Leong Wee Ming

Design & Layout
Rekaan
Typhoon Digital Imaging Sdn Bhd
Lot 1431-1432, Jalan Krokop 5,
98000 Miri, Sarawak, Malaysia.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the publisher.

Semua hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang atau menyiar mana-mana bahagian penerbitan ini, dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, mekanikal, termasuk fotokopi rakaman, atau storan maklumat dan sistem retrieval tanpa mendapat izin bertulis dari penerbit.

Disclaimer: Information contained in this book is believed to be accurate at the time of printing. All information, during compilation, has been carefully edited and checked with every endeavor to avoid error. Any misinformation is very much regretted. The author, compilers and publishers have made every attempt to ensure accuracy.

Printed in Malaysia
Dicetak di Malaysia

ISBN 983-44329-0-4

First published 2010

From Oil Town ...





...to Resort City

The diversion of Miri River mouth is part of the comprehensive water front development to transform Miri into a resort city of international standard.

*Oh Miri, the place where I am ready to spill my blood,
You have grown to become a city.
With the title of a resort city.*

*Until yesterday, your horizontal surface was covered by trees
in the forests
Underneath the surface, there were dead lakes of crude oil.*

*Though you are small and once, quite isolated
But you have been very patient and kept on calling for
Brave adventurers to risk their lives.*

*Businessmen and operators, workers of various skills and knowledge
To explore and exploit the products of your rich resources*

*Today, you have undergone tremendous changes
You have become a prosperous city with more people living in it
And you have been able to put make-up on your face
To make it looks more pretty to see
And your people have very high spirit
Free and independent in unleashing their energy*

*Your people are working hard to develop their creativity
and innovativeness
In the struggle to secure a place for you in the world,
which is highly competitive*

*Your people in Miri, with a strong determination have been
fighting to get
a fair share of the changes and victory in the race to pursue success*

*The city of Miri, I glorify you with the word Congratulations
And with the prayer that Allah S.A.W gives this blessing
to your noble aims*

Long live Miri!



**YAB PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD
AND
ALLAHYARHAMAH YABHG. DATUK AMAR HAJJAH LAILA TAIB**



Preface

Sekapur Sirih

*I*t is a great honour for me to celebrate with all Sarawakians the last “45 years of progress in Sarawak”. In this celebration, all of us are able to look back at our colourful past and now proudly proclaim the distinguished achievements we have made over a relatively short period of time. I have seen so many people realise their dreams moving from poverty to great prosperity and from lack of knowledge to wisdom. This is what independence has brought, and will continue to bring, for all of us. It is without doubt that development and change in Sarawak was achieved through our unity and political stability in the country and the State in particular. This transformation has been achieved together with the great desire of our rakyat for progress. But this is just the beginning of greater things to come.

The government under the second wave of the politics of development has outlined a bold new initiative through the Sarawak Corridor of Renewable Energy plan, or better known as, SCORE. This will bring major progress to the outer frontiers of Sarawak and further modernise urban areas. There are ample opportunities for all Sarawakians to benefit from these initiatives in our efforts to continuously improve our standard of living and quality of life.

*S*aya amat bersyukur kerana dapat merayakan sambutan “45 Tahun Sarawak Maju dalam Malaysia” pada tahun ini bersama-sama dengan seluruh rakyat Sarawak. Dalam meraikan perayaan ini, kita semua dapat mengimbas kembali sejarah silam dan dengan bangganya kita menyatakan pelbagai pencapaian yang telah kita raih dalam jangka masa yang agak pendek ini. Saya telah menyaksikan orang yang begitu banyak berjaya merealisasikan impian mereka mencapai kemakmuran daripada kemiskinan dan daripada orang yang tidak berilmu kepada orang yang bijaksana. Inilah hasil yang telah dibawa oleh kemerdekaan yang akan terus membawa kemakmuran kepada kita. Tidak syak lagi bahawa transformasi kemajuan di negeri Sarawak dapat tercapai dengan adanya perpaduan yang erat dan kestabilan politik di negara ini amnya dan di negeri ini khususnya; serta keinginan rakyat kita untuk terus maju. Tetapi ini hanya permulaan bagi sesuatu impian yang lebih hebat yang bakal menjelma.

Di bawah gelombang kedua politik pembangunan, Kerajaan Negeri telah merangka inisiatif baharu pembangunan melalui Sarawak Corridor of Renewable Energy atau SCORE. Gagasan ini akan merekayasakan usaha memajukan kawasan luar bandar dan memodenkan kawasan dalam bandar. Inisiatif untuk meningkatkan kualiti kehidupan yang berterusan ini dapat membuka peluang serta membawa faedah yang banyak kepada rakyat Sarawak.

The Miri Division has in many ways contributed greatly to modern Sarawak with its diverse communities and unique cultures. With good public policies in place, and through its industrious people, the utilisation of the rich natural resources in the Division has brought much development and progress to the people of the region. The success of Miri was duly recognised when it was elevated to a city status in May 2005.

Sarawak and Miri have achieved much in terms of expansion over the years. This has been made possible by the strong support from the rakyat and business community. I am glad that the publication of this book is able to provide a record of some of the significant events in our modern history, acknowledge the leaders who have contributed much towards shaping the development of Sarawak and the Division, and recognise the diverse communities and their cultures that have given meaning to our struggle for progress and prosperity.

As such, the title of this book “People, Progress and Prosperity” aptly explains the vision of “A government for the people”. I hope that the photographs contained within this book will remind us of our nostalgic and sometimes turbulent past and how far progress and peace have improved our standard of living and quality of life. It is a journey worth continuing and we shall do it together for our common prosperity and that of our future generations.

Miri telah banyak membantu dalam memodenkan Sarawak. Bahagian Miri memperkaya negeri Sarawak dengan kepelbagaian komuniti dan keunikannya. Dengan adanya dasar yang baik-baik bersertakan penduduk yang gigih berusaha, penggunaan sumber asli di Miri telah banyak membawa pembangunan dan kemajuan kepada penduduk di sini. Kejayaan ini telah membolehkan Miri melonjak ke status baharu menerusi pengisytiharannya sebagai bandar raya pada 20 Mei 2005.

Banyak pembangunan dan kemajuan berjaya dicapai oleh Miri dan Sarawak saban tahun ini. Semua ini dapat dicapai dengan adanya sokongan yang padu dan kuat daripada rakyat dan masyarakat peniaga setempat. Saya berasa bangga dengan penerbitan buku ini yang dapat merakamkan setengah-setengah peristiwa penting dalam sejarah ringkas kita ini, pemimpin-pemimpin yang telah banyak mencurahkan bakti ke arah membentuk pembangunan Negeri Sarawak dan Bahagian Miri; dan masyarakat yang berbilang kaum dan budaya yang memberikan makna kepada perjuangan kita menuju kemajuan dan kemakmuran.

Hatta tajuk buku “Masyarakat, Kemajuan dan Kemakmuran” dengan tersendirinya menjelaskan visi “Kerajaan untuk rakyatnya”. Saya berharap agar gambar-gambar di dalam buku ini akan membangkitkan ingatan kita terhadap kenangan dan nostalgia walaupun berlakunya beberapa pergolakan pada masa lalu; serta kemajuan dan keamanan yang telah kita nikmati dalam usaha meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan harian kita. Ini ialah perjalanan yang perlu dikekalkan dan diteruskan demi kemakmuran kita pada masa sekarang dan generasi akan datang.

YANG AMAT BERTHORMAT PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD

Chief Minister of Sarawak
Ketua Menteri Sarawak



Preface

Setinta Madah

I am delighted to see the publication of this book about the Miri Division which tells us a story in pictorial form from where we have come, where we have arrived and where we go from here. As a Mirian, I have vivid recollections of various historical events and nostalgic experiences that remind me how fortunate we are to live in this peaceful “Land of the Hornbills” called Sarawak.

While Miri has undergone tremendous changes in its physical landscape, the heart and soul of its people remain warm, friendly and hospitable. They have great aspirations and hopes for a better future and it is for this that leaders have tirelessly worked to realise the dreams of our people. We must not forget our past leaders and people who have fought and even sacrificed their lives in times of war and insurgencies to lay the foundation for our present peace and harmony. We also want to acknowledge those from public life and the business sector who have contributed so much to the development of the Miri Division as we see it today.

In celebrating Sarawak’s “45 years of progress in Malaysia”, one Mirian stands tall above others in his vision and leadership in transforming Sarawak and Miri in particular. He is none other than our beloved Yang Amat Berhormat

*S*aya bersyukur dengan penerbitan buku bergambar Bahagian Miri yang menceritakan asal usul kita, kejayaan yang dinikmati dan arah tuju kita. Sebagai anak watan Miri, saya mempunyai pelbagai kenangan yang jelas mengenai detik-detik bersejarah dan pengalaman masa lalu yang mengingatkan kita betapa bertuahnyanya kita ini yang tinggal di Negeri Sarawak yang terkenal sebagai “Bumi Kenyalang”.

Tatkala Miri telah banyak mengalami perubahan dari segi landskap fizikal, jiwa dan raga rakyatnya tetap ramah dan mesra terhadap pengunjung. Mereka mempunyai impian dan harapan yang besar untuk masa depan yang lebih cerah dan kerana inilah, pemimpin-pemimpin bekerja tanpa mengenal penat untuk memenuhi impian mereka. Kita seharusnya tidak melupai pemimpin zaman silam dan mereka yang telah berjuang dan mengorbankan diri sewaktu peperangan dan pemberontakan demi meletakkan asas yang menunjangi keharmonian dan keamanan pada hari ini. Kita juga ingin menghargai sumbangan anggota sektor awam dan masyarakat perniagaan dalam menjamin kemajuan Miri yang kita lihat pada hari ini.

Tatkala kita meraikan “45 Tahun Sarawak maju dalam Malaysia” kita hendaklah ingat pada anak watan Miri yang unggul dan mempunyai visi dan kepimpinan yang jitu dalam menerajui transformasi Sarawak dan Miri khususnya.

Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, the Chief Minister of Sarawak. What we have achieved today are the fruits of his vision and brilliance as put forward under the two-pronged development principles of “The Politics of Development” and “The Confluence of Rivers”. These will continue to be the guiding principles that will lead us towards greater prosperity in the early part of this new century.

I hope that you will find this book useful and resourceful both as a means for your own nostalgic reflection and also as a motivation for you to participate and contribute to the future development of the Miri Division and Sarawak as a whole. We shall have a great future together.

Beliau ialah tidak lain dan tidak bukan Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang dikasihi, Ketua Menteri Sarawak. Segala yang kita nikmati hari ini ialah hasil daripada visi dan kebijaksanaan yang diterapkan dalam rangka prinsip pembangunan serampang dua mata menerusi “Politik Pembangunan” dan “Penemuan Sungai-sungai”. Prinsip-prinsip ini akan terus menjadi asas hala tuju kita ke arah mencapai kemakmuran yang lebih menyeluruh dalam abad baharu ini.

Saya berharap agar buku ini menjadi sumber inspirasi serta rujukan kita semua untuk turut serta dalam menyumbangkan gagasan dan keringat terhadap pembangunan di Miri khususnya dan Sarawak amnya. Kita bakal mempunyai masa depan yang terbilang.

YANG BERHORMAT DATUK PATINGGI TAN SRI DR. GEORGE CHAN HONG NAM

Deputy Chief Minister
Minister of Industrial Development and Minister of Tourism and Heritage

*Timbalan Ketua Menteri
Menteri Pembangunan Industri dan Menteri Pelancongan dan Warisan*



Foreword

Seungkap Bicara

In conjunction with the celebration of “Sarawak’s 45 years of progress in Malaysia”, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, the Chief Minister of Sarawak suggested that all the eleven Division in Sarawak produce a book to capture a comprehensive history of each and record the development that has taken place in each Division. This book will enable us to record the socio-economic and political development in Sarawak. Each Division will tell a different story of their struggles and successes but on the whole, the pictures will be about the progress and prosperity that the people in each Division have achieved and benefited from it.

The role of the Sarawak Civil Service is to carry out the policies of the government. We are fortunate in that we have political leaders who have had the vision and compassion for the welfare of the rakyat. With their support and guidance, the Civil Service has been able to discharge its duties with full commitment and dedication. We are inspired by the wisdom of our Chief Minister and his team in the Cabinet and for the confidence and trust that they have in us. We have been able to undertake the planning and implementation of development programmes and projects because of the clear and honest vision of our leaders.

Bersempena dengan perayaan “45 Tahun Sarawak Maju Dalam Malaysia”, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak telah mencadangkan tiap-tiap bahagian dalam Negeri Sarawak menerbitkan buku untuk mengabadikan sejarah kita dan perancangan masa depan untuk memajukan bahagian masing-masing. Ini membolehkan kita merakamkan kemajuan dari segi sosioekonomi dan politik di Sarawak. Tiap-tiap bahagian menampilkan kisah yang berlainan tentang perjuangan dan kejayaan masing-masing tetapi pada keseluruhannya, gambaran yang ditonjolkan tetaplah sama iaitu kemajuan dan kemakmuran rakyat.

Peranan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak ialah untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Kita sangat bertuah kerana pemimpin-pemimpin politik kita mempunyai visi dan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat. Dengan sokongan dan bimbingan mereka, Perkhidmatan Awam Negeri telah dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh komitmen dan dedikasi. Kita didorong oleh ilham dan kebijaksanaan Ketua Menteri serta ahli-ahli Kabinet beliau yang banyak memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada kita yang membolehkan kita menjalankan perancangan dan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan.

This book entitled “People, Progress and Prosperity” is a collection of photographs from government archives and from the record of caring and proud individuals. I hope the people of Sarawak, especially Mirians, will be able to associate themselves with the tremendous progress that has taken place in Miri for the last 45 years and the contribution they and the government have done for the benefit of the people as a whole. I sincerely trust that this book will continue to inspire all members of the Civil Service to carry out their outstanding performance with renewed vigour and innovative thinking. With a strong team of Civil Service, we can continue to improve and deliver excellent service to the people.

Buku yang bertajuk “Masyarakat, Kemajuan dan Kemakmuran” ini mengisahkan tiga perkara itu menerusi koleksi gambar daripada arkib kerajaan dan individu. Saya berharap agar anda dapat mengenal pasti sumbangan dan pencapaian anda ke arah memajukan Sarawak dan Miri khususnya. Semoga buku ini terus menjadi ilham kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang melalui semangat baharu dan inovasi.

YANG BERHORMAT DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI

State Secretary of Sarawak
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



A Note from

The Resident

Dari Pejabat Resident

*T*his book hopes to tell us about our journey along the path of progress over the past 45 years. It is a journey travelled by the country and its people with promises of prosperity and fulfilment. The journey has been long and winding and travelled by people alone and together.

Our team is privileged to have had the opportunity to put together the story of Mirians in their journey from 1883 to 1963, and more importantly, their journey of Independence in Malaysia till now. The book is about the “Miri Division and its history of progress in Sarawak over the past 45 years”. It has been a great and pleasant discovery for our team in researching and compiling the information and photographs for this book. We have read as many books, journals and news articles that we could lay our hands on, sourced photographs from individuals photographic studios and government agencies and talked to as many people as possible. We spent many delightful hours, days and nights together in putting the story together.

The story is told of our outstanding leaders in government and the community, in public office and the private sector and of their dreams of a progressive and prosperous Sarawak. We thank them for their unselfish commitment, dedication and sacrifices.

*B*uku ini bertujuan untuk membantu kita dalam perjalanan kita menuju kemajuan. Perjalanan ini perlu diharungi oleh negara dan rakyatnya, bersertakan janji-janji kemakmuran dan kesejahteraan. Perjalanan ini panjang dan berliku yang perlu diharungi secara solo dan bersama-sama.

Pasukan kami berasa gembira kerana dapat menceritakan kisah yang dilalui oleh Bahagian Miri. Dimulai dengan perjalanan awalnya dalam Sarawak dari tahun 1883 hingga tahun 1963; dan yang penting sekali ialah perjalanan kemerdekaannya dalam Malaysia sehingga sekarang, iaitu “45 Tahun Sarawak Maju dalam Malaysia”. Penerbitan buku ini mendatangkan pengalaman yang sangat bernilai dan menyeronokkan bagi pasukan kami khasnya semasa membuat penyelidikan dan penyusunan maklumat dan gambar-gambar. Kami telah membaca seberapa banyak buku, jurnal dan artikel berkaitan yang telah kami temui, sumber gambar daripada individu-individu, gambar studio dan agensi kerajaan; serta menemu ramah individu yang sebanyak mungkin. Setelah berusaha bersama-sama dalam suasana riang ria, siang dan malam pihak kami telah berjaya mengadun sebuah kisah.

Buku ini mengisahkan pemimpin-pemimpin kita yang cemerlang dalam kerajaan dan masyarakat serta dari pejabat sektor awam dan sektor swasta; mengenai impian mereka terhadap Negeri Sarawak yang maju dan makmur. Kami

Many people have assisted us in various ways by providing photographs and reference materials and sharing their ideas and experiences. Others have sacrificed their valuable time and effort in ways that have made our task so much easier. Together with all the generous donors, we would like to extend our most sincere appreciation and gratitude to all towards the successful publication of this book.

A special thank you is in order for the advice and guidance given to us by Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam, Deputy Chief Minister, Minister of Industrial Development and Minister of Tourism and Heritage, who in his capacity as the Chairman of the Miri City Incorporated, is responsible for the publication of this book.

One leader has made all the difference, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Chief Minister of Sarawak. Through his brilliance and vision, Sarawak has been transformed into the modernity of the 21st century.

We hope you all will continue to journey onwards and experience greater progress and prosperity in the future.

mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana komitmen, dedikasi dan pengorbanan mereka.

Banyak pihak telah membantu kami dengan pelbagai cara, ada yang membekalkan gambar dan ada yang membekalkan bahan rujukan serta berkongsi idea dan pengalaman mereka. Terdapat juga yang mengorbankan masa dan tenaga untuk mempermudah tugas ini. Bersama-sama dengan para penderma yang pemurah, pihak kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini.

Jutaan terima kasih kerana nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Industri dan Menteri Pelancongan dan Warisan yang merupakan Pengerusi kepada Perbadanan Bandaraya Miri yang bertanggungjawab dalam penerbitan buku ini.

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, seorang pemimpin telah mengubah segala-galanya. Melalui visi dan kebijaksanaan beliau Sarawak telah berubah wajah demi kesenangan kita..


Memanglah menjadi harapan kami agar anda meneruskan perjalanan ini dan menikmati kemajuan dan kemakmuran yang lebih terjamin.

ENCIK GANIE ANAK UGAY

Resident Miri Division
Residen Bahagian Miri




I
People
6 Masyarakat



II
Progress
Kemajuan 50

III
Prosperity
132 Kemakmuran



IV
Visionary Leaders
Pemimpin Berwibawa 162

Introduction


Pendahuluan

Sarawak, as we know today, came about through a series of conquests of river basins by Englishmen Sir James Brooke and his nephew Sir Charles Brooke, from the Sultans of Brunei from 1841 to 1905. James Brooke and his nephew, Sir Charles Brooke, won over river basins from the Sultans of Brunei. Along with Charles Brooke's son, Sir Vyner Brooke, they successively ruled Sarawak until the Japanese occupation in 1941. With the defeat of the Japanese in 1945, Sarawak was ceded to Britain as a Crown Colony in 1946 until 22 July 1963. By 16 September 1963, Sarawak gained Independence through the formation of Malaysia.

The Miri Division became part of Sarawak in 1883 when the area stretching from Tanjung Kidurong north of Bintulu to the Baram River Basin was ceded to the Division by Sultan Abdul Momin of Brunei amidst fighting and civil unrests with the natives of the area. Peace was restored in 1889 during a Great Peace Conference held in Marudi. This peace accord was celebrated with a grand boat race which is now well known as the Baram Regatta.

Under the Brookes, a system of government and administration was introduced in Sarawak to maintain law and order. In 1865, a Legislative Body called the Council Negeri was established and met for the first time in Bintulu. It comprised the Rajah, senior European and native officers and traditional native chiefs. During brief colonial period of 17 years, there was an urgency to generate political,

Sarawak yang ada pada hari ini terbentuk daripada beberapa siri penaklukan muara sungai oleh pengembara Inggeris Sir James Brooke dan anak saudaranya Sir Charles Brooke, daripada Sultan-Sultan Brunei dari tahun 1841 hingga 1905. Kemudian di bawah pemerintahan anak Charles Brooke iaitu Sir Vyner Brooke, mereka telah berjaya memerintah Sarawak sehingga penaklukan tentera Jepun pada tahun 1941. Selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, Sarawak diserahkan kepada Britain sebagai koloni British dari tahun 1946 hingga 22 Julai 1963. Pada 16 September 1963, Sarawak mencapai kemerdekaannya melalui penubuhan Malaysia.



Rajah James Brooke

Bahagian Miri menjadi sebahagian dari Sarawak pada tahun 1883 apabila kawasan dari Tanjung Kidurong di utara Bintulu hingga ke muara Sungai Baram, diserahkan oleh Sultan Abdul Momin akibat pertelingkahan rusuhan antara kaum dan penduduk tempatan terhadap pemerintahan Sultan Brunei. Keamanan akhirnya tercapai pada tahun 1889 semasa Persidangan Perdamaian yang diadakan di Marudi. Perdamaian ini telah diraikan dengan perayaan perlumbaan perahu panjang yang kini dikenali sebagai Regata Baram.

Di bawah pemerintahan keluarga Brooke, sistem kerajaan dan pentadbiran diperkenalkan buat julung kalinya untuk menguatkuasakan undang-undang dan menjamin ketenteraman rakyat. Pada tahun 1865, sebuah Badan Perundangan yang dikenali sebagai Majlis Negeri ditubuhkan dan bersidang buat julung kalinya di Bintulu. Majlis Negeri ini dianggotai oleh Rajah sendiri, Pegawai-pegawai kanan orang Eropah, pegawai-pegawai natif dan ketua-ketua masyarakat tempatan. Dalam tempoh yang singkat di bawah pemerintahan penjajah selama 17 tahun, berlakunya perkembangan yang

social and economic change. The Divisional headquarters was originally established in Marudi in 1884. Following the successful exploration of petroleum in 1910, the headquarters was moved to Miri on 12 December 1912. It was composed of the three Districts of Bintulu, Miri and Baram. Development in the Miri Division had a regional impact from the findings of more oil and gas fields offshore and the growing investments in the timber industry. Thus, on 8 July 1978, Bintulu was upgraded into a new Division and the area around Tanjung Kidurong near Bintulu Town was earmarked for the downstream processing of liquefied natural gas. Like a full grown child, strong and independent, Miri shared in the formative years of Bintulu.

The foundation to the development of Miri started with the petroleum and gas industry in 1910 by the locally grown Anglo-Saxon Petroleum Company. This was followed by the logging and timber sector development in the 1970s and in the 1990s by major land development. These later led to diversification into secondary and tertiary sectors such as manufacturing, tourism and higher education.

Free elections were held in June 1963 to prepare local leaders to govern Sarawak after Independence. After independence in 1963, people were more aware of their political and economic independence in Sarawak. The reigns of government were in the hands of local Sarawakians. Development entered a new and accelerated phase. The Five-Year Development Plan was introduced and an aggressive development agenda pursued. With additional funding from the Federal government, there was wider development coverage across Sarawak and Miri benefited in a big way.

Transformational development, however, started only in the early 1980s under the leadership of Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, the fourth Chief Minister of Sarawak. Under his stewardship, he introduced two bold and visionary principles to guide and inspire politicians

mendesak dari segi perubahan politik, sosial dan ekonomi. Ibu pejabat pentadbiran bahagian pada asalnya ditubuhkan di Marudi pada tahun 1884. Berikutan dengan kejayaan penemuan minyak pada tahun 1910, ibu pejabat pentadbiran bahagian dipindahkan ke Miri pada 12 Disember 1912. Bahagian ini merangkumi tiga daerah iaitu Bintulu, Miri dan Baram. Pembangunan di Bahagian Miri menghasilkan impak terhadap wilayah daripada penemuan minyak dan gas di luar pesisiran pantai dan dengan berkembangnya pelaburan dalam industri pembalakan. Oleh yang demikian, pada 8 Julai 1978, Bintulu dinaik taraf menjadi Bahagian yang baru dan kawasan sekitar Tanjung Kidurong berdekatan dengan bandar Bintulu dijadikan sebagai tempat pemprosesan hiliran gas asli cair. Seperti kanak-kanak yang sudah membesar, kuat dan mampu berdikari, Miri bersedia untuk membantu usaha awal pembangunan Bintulu.

Asas bagi pembangunan di Miri bermula dengan industri gas dan petrol yang diusahakan pada tahun 1910 oleh Syarikat Anglo-Saxon Petroleum yang berkembang maju di sini. Ini diikuti oleh pembangunan sektor pembalakan dan perkayuan serta pembangunan tanah pada sekitar tahun 1970-an dan 1990-an masing-masing. Kemudian, ini menjurus kepada usaha mempelbagaikan sektor sekunder dan perkhidmatan seperti perkilangan dan pelancongan serta pendidikan tinggi.

Pemilihan bebas diadakan dalam bulan Jun 1963 untuk menyediakan pemimpin tempatan untuk mentadbir negeri Sarawak selepas kemerdekaan. Selepas kemerdekaan pada tahun 1963, kesedaran terhadap kebebasan dari segi politik dan ekonomi semakin meluas. Pemerintahan kerajaan terletak di tangan rakyat tempatan Sarawak. Pembangunan memasuki fasa baharu yang pesat. Rancangan Pembangunan Lima Tahun diperkenalkan dan agenda pembangunan digiatkan secara gigih. Dengan dana tambahan daripada kerajaan pusat, maka liputan pembangunan menjadi lebih luas dan Miri dapat meraih faedah daripadanya.

Walaupun bagaimanapun, transformasi yang ketara dalam pembangunan hanya bermula pada awal tahun 1980-an di



YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud

from all divides and created an administration to bring development to the people of Sarawak. The principles of the “Politics of Development” and the “Confluence of Rivers” continue to guide progress across Sarawak. Both these principles incorporate socio-cultural and political values that have promoted, facilitated and expedited development and continue to do so.

While the development of the people in Miri continued to be supported by the already strong performances of the local petroleum industry and related downstream industries, new developments and growth in the forestry sector were pursued. By the mid 1980s, a bold new move to industrialise the economy was introduced. Downstream timber industries and light industries sprouted in Miri Town and along the mouth of Baram River. As local entrepreneurs become more successful, they invested in the heavy industries, building vessels and ships for international waters. Others ventured into land development which contributed to the success of the oil palm plantation sector. These highly diversified industries have further enriched the local ethnic population of Miri with expatriates. There is no doubt that Miri has been transformed from just another divisional town into a vibrant and globalised new age city in a matter of 45 years.



The 'Nodding Donkeys' - Oil drilling machine

bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang keempat. Di bawah pimpinan beliau, dua prinsip yang berwawasan dan jelas diperkenalkan sebagai garis panduan dan inspirasi kepada ahli-ahli politik daripada pelbagai fahaman serta pihak pentadbiran untuk membawa pembangunan kepada rakyat negeri Sarawak. Kedua-dua prinsip itu ialah “Politik Pembangunan” dan “Pertemuan Sungai-sungai”. Kedua-duanya menerapkan nilai-nilai politik dan sosiobudaya yang memupuk, mempermudah dan mempercepat pembangunan.

Sementara pembangunan di Miri semakin mapan disebabkan oleh industri petroleum tempatan dan industri hiliran, Miri juga memburu pembangunan dan pertumbuhan dalam sektor perhutanan. Pada pertengahan tahun 1980-an, langkah yang baharu diperkenalkan untuk membangunkan ekonomi yang berasaskan industri di Miri. Industri pekayuan hiliran dan industri ringan semakin berkembang di bandar Miri dan di Kuala Baram. Kejayaan usahawan-usahawan tempatan telah mendorong mereka melabur dalam industri berat seperti pembinaan kapal untuk kegunaan perairan antarabangsa. Ada yang menceburi pembangunan tanah yang menyumbangkan kejayaan dalam sektor perladangan kelapa sawit. Industri-industri yang sangat pelbagai ini turut memperkaya masyarakat etnik tempatan dengan kehadiran penduduk luar negara yang datang untuk bekerja di Miri. Tidak syak lagi Miri telah berubah wajah daripada bandar bahagian biasa menjadi bandar raya global era baharu yang meriah dalam tempoh 45 tahun kebelakangan ini.



People

Masyarakat



People Masyarakat

The Miri Division has a population of about 363,000. It is a mirror image of Sarawak in terms of the diversity of its peoples and thus, it is the cradle of Sarawak's highly diversified cultures and traditions. Miri's population includes approximately 25,000 expatriates coming from about 40 different countries.

The Ibans are the most numerous at more than 100,000 in the Division followed by the Chinese people at around 90,000 with the combined Malay, Melanaus, Kedayans and Jatti Mireik groups at around 70,000. The eight main ethnic groups of the Orang Ulu community in order of number comprise Kayan, Kenyah, Penan, Kelabit, Berawan, Lakiput, Saban and Bisaya at about 70,000 and another 3,000 others, mainly Indians. About 5,000 Bidayus have recently made Miri City their home.

The Chinese community is found in urban commercial and trading centres with the Malays, Melanaus, Kedayans and Jatti Mireiks mainly living by the coast, the Ibans inland and the Orang Ulu along the flood plains and river valleys of Baram and its tributaries and into the highlands.

It has been recorded that Chinese traders have been around the Miri and Brunei regions even as early as the 13th Century. By the late 1800s, more came from other parts of Sarawak especially from Kuching. The Ibans, encouraged by the Brooke government, migrated to the region in the early 1800s from the Sri Aman, Betong, Sarikei and Sibu areas. They continued with hill padi farming but now have diversified into pepper and oil palm cultivation. They celebrate the



Our people, rich in culture and heritage

Bahagian Miri mempunyai penduduk kira-kira 363,000 orang. Bahagian ini menjadi cerminan Negeri Sarawak yang terkenal dengan kepelbagaian penduduk, kebudayaan dan tradisi. Ini termasuklah 25,000 orang pekerja yang berasal dari kira-kira 40 buah negara luar.

Kaum Iban merupakan penduduk terbanyak yang berjumlah lebih daripada 100,000 orang dan diikuti oleh kaum Cina sebanyak 90,000 orang. Manakala kaum Melayu, Melanau, Kedayan dan Jatti Mireik dalam lingkungan 70,000 orang. Seterusnya, terdapat 8 kumpulan utama etnik Orang Ulu yang terdiri daripada Kayan, Kenyah, Penan, Kelabit, Berawan, Lakiput, Saban dan Bisaya yang keseluruhannya berjumlah 70,000 orang dan bangsa lain sekitar 3,000 orang, kebanyakannya orang India. Kira-kira 5,000 orang keturunan Bidayuh yang baru menetap di Miri. Seperti biasa, kaum Cina tinggal di kawasan bandar dan pusat-pusat perniagaan. Melayu, Melanau, Kedayan dan Jatti Mireik tinggal di kawasan pesisiran pantai. Kaum Iban kebanyakannya di kawasan pedalaman, manakala Orang Ulu pula tinggal di kawasan dataran banjir dan lurah sungai Baram dan di kawasan tanah tinggi.

Menurut rekod, peniaga-peniaga Cina telah berada di wilayah Miri dan Brunei semenjak abad ke-13 lagi. Pada akhir tahun 1800-an, lebih banyak lagi mereka datang dari bahagian-bahagian lain di Negeri Sarawak, khasnya bahagian Kuching. Kaum Iban, telah digalakkan oleh Kerajaan Rajah Brooke untuk berhijrah pada awal tahun 1800-an dari Sri Aman, Betong, Sarikei dan Sibu. Mereka meneruskan penanaman padi bukit tetapi telah berkembang kepada penanaman lada hitam dan perladangan kelapa sawit. Mereka menyambut perayaan musim menuai Gawai Dayak pada 1 Jun setiap

annual harvest festival Gawai Dayak on first day of June in a frenzy of activities and cultural performances. They now live in modern long houses along the highways.

While the major population groups in the Miri Division are better known, the many smaller and diverse community groups require introduction. They provide additional diversity to the attractive cultural environment of Miri and Sarawak.

On the coast in Miri City, the Jatti Mireik are located and are considered to be the indigenous community that gave Miri its name. They embraced Islam in the 17th Century and number around 5,000.

Further south along the coast all the way to Kuala Suai, 7,000 Kedayans live together alongside 11,000 Melanaus. The Kedayans fled Brunei during the repressive Sultanate rule in the 18th Century whereas the Melanaus came from the coastal areas of Rejang and Mukah. The main occupations of these groups are fishing and orchard farming. They produce the most exotic varieties of durians, terap, dabai olives, and lychees thus making the annual fruit season a festive occasion of colours, tastes and smells. Culturally, they are associated with the annual "Makan Tahun" festival where exotic culinary delights of seafood such as the umai, a raw fish dish garnished with chilli, onion and the sour fruit of the asam paya, are served alongside other local dishes. Entertainment is provided by groups of "Bermukun" where ladies play the drums and sing, at the top of their voices, highly poetic tunes with lyrics on the mundane affairs of daily life to serious business of development. Inspired, a male singer from the audience may rise to the stage to sing a reply to the lady singers to a loud and approving crowd. They are joined by groups of dancers strutting on the stage. These groups continue to live in detached houses in the kampongs.



tahun dengan mengadakan pelbagai aktiviti menarik dan pertunjukan kebudayaan. Kini, mereka tinggal di rumah-rumah panjang yang moden di sepanjang jalan utama.

Walaupun kaum-kaum utama lebih terkenal tetapi banyak kumpulan etnik yang lebih kecil perlu diperkenalkan dengan lebih gigih lagi. Mereka turut mencorakkan warna kebudayaan masyarakat di Miri khasnya dan di Sarawak amnya.

Kaum Jatti Mireik yang berjumlah sekitar 5,000 orang tinggal di persisiran pantai Bandaraya Miri. Mereka dianggap kaum asli di Miri yang memberi Miri namanya. Kaum ini memeluk agama Islam dalam abad ke-17.

Di kawasan selatan sepanjang pantai menuju ke Kuala Suai terdapat kampung orang Kedayan dan kampung orang Melanau yang didiami oleh kira-kira 7,000 orang dan 11,000 orang masing-masing. Kaum Kedayan berasal dari negara Brunei dan mula berhijrah dalam abad ke-17 akibat penindasan daripada kerajaan Sultan Brunei. Kaum Melanau pula datang dari kawasan Sungai Rejang dan Mukah. Mereka menjadi nelayan dan mengusahakan kebun buah-buahan serta mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan seperti durian, terap, dabai dan laici. Sehubungan dengan itu, pesta buah-buahan setiap tahun disambut dengan beraneka warna, rasa dan haruman. Lazimnya, Pesta Makan Tahun di kalangan kaum Kedayan dan Langgar Meja bagi kaum Melanau diadakan setiap tahun. Dalam majlis itu, makanan laut pelbagai cita rasa dihidangkan seperti umai yang dibuat daripada daging ikan mentah, digaul dengan cili, bawang merah dan buah asam payak serta makanan tempatan yang lain. Persembahan 'Bermukun' diadakan oleh kaum wanita yang bermain alat muzik tradisional iaitu Gendang sambil bernyanyi dengan alunan seni kata yang puitis berkait dengan urusan harian sehinggalah kepada perkara yang lebih serius seperti hal-hal berkait dengan pembangunan masyarakat dan negara. Sekiranya seorang penonton lelaki mempunyai ilham beliau akan naik ke pentas untuk membalas pantun sambil memeriahkan suasana. Persembahan ini diiringi dengan sekumpulan penari dan disertai oleh orang ramai. Kaum-kaum ini terus menetap di rumah-rumah yang berasingan di kampung.


The Kayan, Berawan, Lakiput and Bisaya live along the flood plains and lower valleys of The Baram River and its two main tributaries, the Tutoh and the Tinjar. Further up the Baram and Tinjar, are the Kenyah who associate themselves by their different numerous sub-tribes. The cultures of the more numerous Kenyahs and Kayans are dominant in these communities. The graceful hornbill feather dance by the ladies and the warrior dance of the men, performed to the melodious and melancholic tune from the sape lute, are legendary. Folk songs and ballads are sung with the most captivating tunes and melodies to praise their past and present leaders and notable visitors at auspicious occasions such as wedding ceremonies and visits by dignitaries. They live in long houses, each ranging from 20 to 250 families.

The Penans once lived a semi-nomadic and nomadic lifestyle as hunter-gatherers in the hinterland. In the last 45 years, almost all have settled and started farming. They are accomplished blacksmiths and rattan handicraft producers. Some even have ventured successfully into commercial oil palm cultivation. They are slowly but surely joining the mainstream life in their pursuit of progress and are receiving due assistance from the government.

The Kelabits have made themselves known as "highlanders" as they live in the highlands bordering Kalimantan. The claim to fame of this area is the cool and attractive highlands. Kelabit culture revolves around wet padi farming from where the much sought after Bario rice is produced. Kelabits once had a unique megalithic stone culture associated with death rituals and naming ceremonies. The naming ceremonies still remain but in the context of thanksgiving.

The Sabans, the least known and smallest community live in their main centre of Long Banga in upper Baram. Their closest kin are the Kelabits and Lun Bawang. The Sabans are famous for their musical bands of bamboo instruments.

Kaum Kayan, Berawan, Lakiput dan Bisaya tinggal di kawasan dataran banji dan lembah Sungai Baram dan dua cabang utamanya, iaitu di Sungai Tutoh dan Sungai Tinjar. Di hulu Sungai Baram dan Tinjar ialah kawasan penempatan kaum Kenyah yang terdiri daripada beberapa suku kaum kecil. Kebudayaan suku kaum Kayan dan Kenyah amatlah menonjol di kawasan ini. Tarian bulu burung helang oleh wanita dan tarian pendekar oleh kaum lelaki yang merupakan tarian legenda bagi kaum ini dipersembahkan dengan alunan melodi yang indah daripada alat muzik tradisional sape. Nyanyian dan tarian tradisional juga dipersembahkan dengan melodi yang indah dan merdu untuk memperingati pemimpin terdahulu dan sekarang atau untuk menyambut tetamu di dalam acara-acara seperti perkahwinan dan lawatan tetamu kenamaan. Mereka tinggal di rumah panjang yang terdiri dari 20 hingga 250 buah keluarga.



Ethnic icons and structures decorate the parks in Miri

Kaum Penan sebelum ini tinggal secara normadik dan semi-nomadik mengamalkan cara hidup memburu binatang liar dan mengumpul hasil hutan. Dalam rangka 45 tahun ini, seluruh kaum Penan telah menetap dan mula bercucuk tanam. Mereka mahir dalam seni pertukangan besi dan menghasilkan kraftangan daripada rotan. Beberapa orang daripada suku kaum ini telah berjaya dalam bidang perladangan kelapa sawit secara komersial. Secara perlahan-lahan dan pasti kaum ini menyertai arus pembangunan dalam usaha mereka mengejar kemajuan dan menerima bantuan yang sewajarnya daripada kerajaan.

Kaum Kelabit terkenal sebagai penduduk kawasan tanah tinggi yang sejuk yang bersempadan dengan Kalimantan Indonesia. Kawasan ini terkenal dengan tanah tingginya yang sejuk dan menakjubkan. Kebudayaan dan kehidupan mereka berkisar pada penanaman padi sawah yang menghasilkan beras Bario yang sangat terkenal. Pada suatu ketika dahulu mereka mempunyai budaya tugu batu peringatan (megalith) yang unik dikaitkan dengan upacara kematian dan upacara penamaan. Pada masa ini, hanya majlis penamaan yang masih wujud tetapi diraikan dalam bentuk majlis kesyukuran.

